
Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan: Jawab Soalan 1 yang wajib dan sekurang-kurangnya satu soalan daripada Bahagian B. Pilih dua soalan lain dari mana-mana Bahagian.

Bahagian A

1. (a) "Undang-undang bertulis" merupakan sumber undang-undang yang terpenting di Malaysia.
 - (i) Jelaskan apakah yang dimaksudkan dengan istilah "undang-undang bertulis".
 - (ii) Nyatakan apakah lain-lain sumber undang-undang di Malaysia.
- (b) Bincangkan sejauh manakah aplikasi Common Law Inggeris dikuatkuasakan di Malaysia.
- (c) Apakah Perlembagaan Persekutuan?

(100 markah)

2. (a) Buatlah catatan ringkas tentang terminologi undang-undang kontrak berikut:-
 - (i) Balasan
 - (ii) Keupayaan
 - (iii) Salahnyata

(b) Superhot Oven Berhad telah menjual satu ketuhar gas kepada Puan Lim dan memberi jaminan bahawa ketuhar tersebut boleh mencapai suhu 1000°C. Walau bagaimanapun selepas "delivery" Puan Lim mendapati ketuhar tersebut hanya boleh mencapai suhu maksimum 450°C.

Nasihatkan Puan Lim.

(100 markah)

3. Nora seorang penyanyi berumur 19 tahun, ingin membuat kontrak dengan sebuah syarikat rakaman di Malaysia.

Beri nasihat kepada Nora tentang ciri-ciri undang-undang yang perlu untuk menghasilkan satu kontrak yang sah.

(100 markah)

4. Interior Decorators Sdn. Bhd. telah mendapat kontrak dari Encik Lim untuk menghias rumahnya. Encik Lim memberi kunci pintu rumahnya kepada penghias berkenaan dan berpesan kepadanya supaya pintu-pintu dikunci apabila meninggalkan rumah itu.

Pada suatu hari, penghias itu keluar dari rumah Encik Lim untuk makan tengahari dan telah terlupa mengunci pintu. Rumah itu dimasuki pencuri menyebabkan barang-barang kepunyaan Encik Lim yang bernilai RM100,000 hilang.

Encik Lim menuntut gantirugi dari Interior Decorators Sdn. Bhd. tetapi syarikat berkenaan menafikan tanggungjawab mereka untuk membayar gantirugi dengan alasan kerugian tersebut adalah disebabkan oleh pencuri.

Beri nasihat kepada Encik Lim.

(100 markah)

Bahagian B

5. (a) Huraikan dengan ringkas mengenai pembentukan satu perkongsian (partnership).
- (b) Ali, Ahmad dan Chong telah bersetuju membentuk satu perniagaan perkongsian (partnership business) untuk menjual buku tetapi salah satu daripada terma kontrak yang dibuat telah mengecualikan Ahmad dari mendapat sebahagian daripada keuntungan perniagaan tersebut. Adakah Ahmad seorang pekongsi mengikut undang-undang perkongsian? Berikan sebab-sebabnya.
- (c) Andaikan perkongsian tersebut bersetuju mengambil Muthu untuk menguruskan perniagaan dan salah satu terma perkhidmatan ialah Muthu akan menerima keuntungan dari perniagaan. Adakah Muthu seorang pekongsi? Berikan sebab-sebabnya.

(100 markah)

6. (a) Sila bandingkan di antara kuasa zahir (apparent authority) dan kuasa sebenar (actual authority) dalam bidang undang-undang agensi.
- (b) Senaraikan lima (5) kekecualian kepada prinsip bahawa seorang agen tidak boleh mewakilkan (delegate) kuasa yang diberi kepadanya oleh prinsipal.

(100 markah)

oooOoooo